| IA(t) | = | takaful coverage amount in month t   |
| t     | = | curtate duration in months           |
| P(t)  | = | total monthly instalments at month t |
| R(t)  | = | rebate factor at month t             |

## APPENDIX II

### Calculation of cash value

#### Basis and calculation methodology

$$\text{Cash Value}_{t+x} = \frac{x}{m} \times CSV_{t+1} + \frac{(m-x)}{m} \times CSV_t$$

$x^1$  = number of days from the last certificate month (including the date of surrender)

$m^2$  = number of days in the certificate month

#### Cash value at end of each month

$$CSV_t = 75\% \times C \times \frac{\ddot{a}_{n-t}}{\ddot{a}_n}$$

where:

$$\ddot{a}_{n-t} = \frac{1 - (1+i)^{-(n-t)}}{1 - (1+i)^{-1}}$$

$$\ddot{a}_n = \frac{1 - (1+i)^{-n}}{1 - (1+i)^{-1}}$$

C = single gross contribution

$(1+i)^{-1}$  = discounting factor,  $i = 0.2466\%$  (it is equal to 3% p.a.)

n = payment tenure in months

t = period between the certificate in-force and the month of early settlement of financing amount

Payable from Participants' Tabarru' Fund<sub>t</sub> =  $\frac{1 - WF}{75\%} \times CSV_t$  where WF is the wakalah fee.

Payable from Operator Fund<sub>t</sub> =  $CSV_t - \text{Payable from participants' tabarru' fund}_t$

#### Conditions imposed on surrenders

Allowed on early settlement of financing facility only.

---

<sup>1</sup> It is computed based on actual date

<sup>2</sup> It is computed based on actual date



**CIMB Aviva Takaful Berhad**

**KONTRAK INDUK  
Pelan Awam-i Protector Plus**

**Nombor Kontrak Induk  
GPF00004**

## **NOTIS PERUBAHAN KE ATAS PENGURUSAN LEBIHAN DALAM DANA TABARRU' PESERTA**

---

Sebagai mematuhi garis panduan Bank Negara Malaysia berhubung Rangka Kerja Operasi Takaful ("*Takaful Operational Framework (TOF)*"), sila beri perhatian bahawa pengurusan lebihan\* untuk kontrak anda akan dikaji semula berkuatkuasa 1 Januari 2012, dan melibatkan klausa-klausa kontrak yang berkaitan dengan Dana Tabarru' Peserta dan Perkongsian Lebihan.

*\* Pengurusan lebihan untuk kontrak-kontrak yang terlibat akan dilaksanakan pada setiap akhir tahun kewangan, yang mana penentuan lebihan adalah berdasarkan pengalaman pengunderaitan dan penuntutan manfaat sepanjang tempoh kontrak takaful.*

Perubahan-perubahan ini akan diterjemah sebagai kadar peruntukan yang lebih tinggi (daripada 25% kepada 50%) bagi semua Peserta produk takaful kami yang berlayakan untuk Perkongsian Lebihan, termasuk MRTT, MRTT-BPP, Takaful Child Pro dan Pelan Takaful Cancer.

Sebarang klausa yang berkaitan dengan "Dana Khas" dalam kontrak anda akan digugurkan dan tidak akan diguna pakai. Kami akan meneruskan pengurusan untuk sebarang lebihan dalam Dana Tabarru' Peserta berdasarkan yang berikut:

- Pelan takaful dengan konsep Perkongsian Lebihan:
  - *Sebarang lebihan akan dikongsi sama rata antara Operator dan Akaun Individu Peserta.*
- Pelan takaful tanpa konsep Perkongsian Lebihan:
  - *Lebihan kekal disimpan dalam Dana Tabarru' Peserta; atau*
  - *Menderma lebihan kepada mana-mana pertubuhan kebajikan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah kami.*

Tiada perubahan lain atas kontrak anda dan anda akan terus menikmati manfaat-manfaat yang sama, tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang berkenaan.

Sekiranya anda memerlukan sebarang penjelasan lanjut, sila hubungi talian Khidmat Pelanggan Careline kami di 1300-88-5055 atau emel kami di [wecare@sunlifemalaysia.com](mailto:wecare@sunlifemalaysia.com).

Terima kasih.

**Yang benar**  
**Sun Life Malaysia Takaful Berhad**  
**(dahulunya dikenali sebagai CIMB Aviva Takaful Berhad)**

## KANDUNGAN

| <u>Nombor</u> | <u>Tajuk</u>     | <u>Muka surat</u> |
|---------------|------------------|-------------------|
| 1             | Pengenalan       | 2                 |
| 2             | Syarat-syarat am | 3                 |
| 3             | Lampiran I       | 12                |
| 4             | Lampiran II      | 13                |

## **PENGENALAN**

### **Tujuan**

Pelan takaful ini bertujuan untuk menyediakan perlindungan takaful yang selaras dengan prinsip di bawah dan akan ditadbir selaras dengan peruntukan berikut.

### **Prinsip-prinsip asas**

- Pertama** Kami adalah pihak pertama untuk kontrak induk ini dan anda adalah pihak kedua. Sesiapa yang dilindungi oleh kontrak induk ini bukanlah mana-mana pihak di dalam kontrak ini walaupun mereka telah mendapat kebenaran untuk dilindungi oleh takaful ini.
- Kedua** Kami juga adalah 'kustodian' dan akan menguruskan pelan takaful ini selaras dengan Shariah.
- Ketiga** Kami akan mengutip sumbangan untuk menguruskan pelan takaful ini.
- Keempat** Anda dan sesiapa yang dilindungi mestilah bersetuju membenarkan kami mengutip sumbangan selaras dengan syarat-syarat di bawah.

## **SYARAT-SYARAT AM**

### **1. Kontrak induk**

- 1.1 Kontrak induk ini merangkumi pengenalan di atas, peruntukan am berikut, borang penyertaan untuk setiap orang yang dilindungi, peruntukan mengenai manfaat takaful, sebarang pengesahan berkaitan yang telah kami terbitkan, lampiran-lampiran, jadual dan sebarang pindaan, penambahan, pengendorsan, dokumen dan surat berkaitan yang telah kami terbitkan mengenainya.
- 1.2 Kontrak induk ini adalah perjanjian menyeluruh di antara anda dengan kami. Kecuali kami nyatakan sebaliknya, tiada ejen atau orang lain selain daripada wakil kami yang diberi kuasa dibenarkan untuk membuat sebarang perubahan atau pengecualian ke atas sebarang peruntukan kontrak induk ini. Sebarang perubahan atau pengecualian tersebut hendaklah dibuat secara bertulis dan ditandatangani oleh wakil kami yang diberi kuasa.

### **2. Kelayakan**

- 2.1 Anda boleh membenarkan sesiapa yang terhutang sebarang wang dengan anda di bawah kemudahan pembiayaan untuk menyertai pelan ini di bawah kontrak induk. Bagaimanapun, mereka mestilah berumur sekurang-kurangnya 18 dan tidak melebihi 60 pada harijadi terakhir.
- 2.2 Orang yang layak mestilah memenuhi sebarang syarat yang kami tetapkan dan maklumkan kepada anda. Mereka akan menjadi orang yang dilindungi jika kami meluluskan boring permohonan mereka.
- 2.3 Jika anda telah membayar sumbangan untuk orang yang belum layak atau yang telah ditolak oleh kami, kami tidak akan menyediakan perlindungan untuk mereka di bawah kontrak induk ini dan kami akan mengembalikan sumbangan yang telah anda bayar untuk mereka.

### **3. Menyertai pelan**

- 3.1 Kami mungkin memerlukan dokumen atau maklumat tambahan daripada mana-mana orang yang layak sebelum membuat keputusan sama ada menerima mereka untuk perlindungan.
- 3.2 Amaun manfaat takaful yang akan kami bayar untuk setiap orang yang dilindungi di bawah pelan ini mungkin berbeza daripada amaun yang mereka terhutang kepada anda di bawah kemudahan pembiayaan mereka dengan anda. Ia adalah kerana kami mengira dan menentukan jumlah amaun manfaat takaful yang perlu dibayar berdasarkan formula seperti yang dinyatakan di dalam Lampiran I kepada kontrak induk. Bagaimanapun, amaun yang mereka terhutang kepada anda di bawah kemudahan pembiayaan yang belum dijelaskan pula bergantung kepada faktor yang telah anda tentukan yang mana ia mungkin berlainan daripada yang kami gunakan.
- 3.3 Kami akan membayar semua manfaat yang diperuntukkan kepada anda. Terlebih dahulu anda akan mengambil kira pembayaran manfaat untuk sebarang amaun yang dihutangkan oleh orang yang dilindungi kepada anda. Anda akan membayar manfaat yang berlebihan dari amaun yang dihutangkan oleh orang yang dilindungi kepada orang yang dilindungi sekiranya masih hidup; atau sebaliknya kepada estet orang yang dilindungi.



#### **4. Bila perlindungan bermula**

- 4.1 Perlindungan takaful untuk orang yang dilindungi akan bermula pada tarikh kelulusan kemudahan pembiayaan berkaitan yang mana kami memberikan perlindungan takaful selaras dengan kontrak induk ini.

#### **5. Manfaat kematian**

- 5.1 Jika orang yang dilindungi meninggal dunia semasa tempoh takaful, kami akan membayar manfaat takaful kepada anda dalam satu bayaran sekaligus daripada dana tabarru' peserta.

#### **6. Pengecualian manfaat kematian**

- 6.1 Tanpa mengambilkira peruntukan di atas, kami tidak akan membayar manfaat takaful untuk sebarang kematian orang yang dilindungi jika ianya disebabkan atau akibat daripada membunuh diri (sama ada dilakukan semasa waras atau tidak waras) atau sebarang keadaan sedia ada, yang berlaku dalam masa satu tahun daripada permulaan perlindungan Takaful. Sebaliknya, kami akan membayar nilai tunai (ditentukan menggunakan formula yang dinyatakan di dalam Lampiran II kepada kontrak induk ini) yang ditetapkan pada tarikh kematian.

#### **7. Membuat tuntutan untuk manfaat kematian**

- 7.1 Jika orang yang dilindungi meninggal dunia, anda perlu menghantar notis secara bertulis dalam masa 30 hari selepas kematian berlaku.
- 7.2 Anda kemudiannya perlu membuat tuntutan untuk manfaat takaful dan menyertakan semua dokumen dan maklumat berkaitan yang kami perlukan untuk menilai tuntutan tersebut secepat mungkin.
- 7.3 Anda perlu membayar sebarang kos yang dikenakan untuk membuat tuntutan dan menyediakan dokumen.
- 7.4 Jika anda lewat menyediakan notis serta dokumen, maklumat dan bukti berkaitan yang kami perlukan, ianya tidak bermakna tuntutan terbatal, asalkan anda telah menyediakannya secepat yang mungkin. Bagaimanapun, kami hanya boleh menilai tuntutan tersebut selepas kami menerima semua bukti yang kami perlukan.

#### **8. Manfaat hilang upaya menyeluruh dan kekal**

- 8.1 Kami akan membayar manfaat takaful kepada anda dalam satu bayaran sekaligus daripada dana tabarru' peserta jika, semasa tempoh takaful, orang yang dilindungi mengalami hilang upaya menyeluruh dan kekal untuk tempoh berterusan selama sekurang-kurangnya enam bulan.
- 8.2 Kami merangkumi perkara berikut sebagai hilang upaya menyeluruh dan kekal:
- (a) Kehilangan menyeluruh dan tidak boleh pulih penglihatan pada kedua-dua mata.
  - (b) Kehilangan terus atau kehilangan menyeluruh tidak boleh diguna, dua anggota pada atau di atas pergelangan tangan atau buku lali.

- (c) Kehilangan menyeluruh penglihatan pada satu mata dan kehilangan terus, atau kehilangan menyeluruh tidak boleh diguna, satu anggota pada atau di atas pergelangan tangan atau buku lali.
- 8.3 Jika orang yang dilindungi bekerja secara makan gaji pada tarikh hilang upaya menyeluruh dan kekal bermula, kami akan membayar manfaat sekiranya mereka tidak mampu secara kekal untuk melakukan sebarang tugas atau pekerjaan lain yang mana mereka telah dilatih atau layak melakukan berdasarkan pendidikan atau pengalaman mereka.
- 8.4 Jika orang yang dilindungi tidak bekerja sewaktu hilang upaya, kami akan membayar manfaat sekiranya mereka tidak mampu secara kekal dan menyeluruh untuk melakukan melakukan sekurang-kurangnya tiga aktiviti kehidupan seharian berikut:
- (a) Beralih - bangun atau duduk dari kerusi tanpa bantuan.
  - (b) Bergerak - keupayaan untuk bergerak dari satu bilik ke bilik lain tanpa bantuan.
  - (c) Membuang air - keupayaan untuk mengawal fungsi pundi kencing dan usus secara semulajadi.
  - (d) Berpakaian - memakai dan menanggalkan pakaian yang perlu tanpa bantuan.
  - (e) Mandi dan membersihkan diri - keupayaan untuk membersihkan diri di bilik air atau bilik mandi (termasuk keluar atau masuk ke bilik air atau bilik mandi) atau membersihkan dengan sebarang cara lain.
  - (f) Makan - Semua cara untuk memasukkan makanan ke dalam badan apabila ianya telah disediakan.
- 8.5 Jika orang had maksimum yang akan kami bayar kepada mana-mana satu orang yang dilindungi di bawah kontrak induk ini (dan semua kontrak atau perjanjian lain dengan kami) adalah RM2,000,000.
- 8.6 Hilang upaya menyeluruh dan kekal (seperti definisi di atas) mesti bermula:
- (a) pada atau selepas tarikh berkuatkuasa; dan
  - (b) sebelum ulangtahun kontrak sejurus selepas tarikh lahir yang ke 65 orang yang dilindungi; dan
  - (c) sebelum tamat tempoh takaful.

## **9. Pengecualian hilang upaya menyeluruh dan kekal**

- 9.1 Tanpa mengambilkira peruntukan di atas, kami tidak akan membayar manfaat takaful untuk sebarang hilang upaya menyeluruh dan kekal yang disebabkan atau diburukkan (sama ada secara langsung, tidak langsung, sepenuhnya atau sebahagiannya) oleh:
- (a) sebarang keadaan sedia ada dalam masa satu tahun daripada permulaan perlindungan takaful.
  - (b) sebarang mogok, rusuhan, kekacauan awam, pemberontakan, perang (sama ada diisytiharkan atau tidak);
  - (c) memasuki, mengendalikan atau menyelenggara, menaiki atau menuruni sebarang kapalterbang atau apa jua bentuk pengangkutan kecuali berada di dalam kapalterbang

yang dikendalikan oleh syarikat penerbangan penumpang komersial di dalam jadual biasa perjalanan penumpang di laluan penumpang biasa yang dibenarkan;

- (d) berada di bawah pengaruh minuman keras atau sebarang narkotik atau dadah;
- (e) percubaan membunuh diri atau mencederakan diri sendiri dengan sengaja (sama ada cuba dilakukan atau dilakukan ketika siuman atau tidak siuman);
- (f) sebarang penglibatan di dalam pencabulan undang-undang atau menjadi ahli organisasi haram; atau
- (g) sebarang keadaan atau komplikasi berkaitan sindrom kurang daya tahan penyakit (AIDS).

9.2 Jika orang yang dilindungi mengalami hilang upaya menyeluruh dan kekal yang mana kami tidak membayar manfaat takaful, peruntukan mengenai manfaat takaful berkaitan hilang upaya menyeluruh dan kekal tidak lagi boleh digunakan untuk orang yang dilindungi tersebut. Bagaimanapun, manfaat takaful yang boleh dibayar untuk kematian akan terus berkuatkuasa ke atas orang yang dilindungi bergantung kepada peruntukan di dalam kontrak induk ini.

## **10. Membuat tuntutan untuk manfaat hilang upaya menyeluruh dan kekal**

- 10.1 Anda perlu menghantar notis secara bertulis untuk tuntutan hilang upaya menyeluruh dan kekal dalam masa 30 hari selepas hilang upaya berlaku.
- 10.2 Anda perlu membuat tuntutan dan menyertakan semua dokumen dan maklumat berkaitan yang mungkin kami perlukan untuk menilai tuntutan tersebut secepat mungkin.
- 10.3 Kami mungkin memerlukan bukti bahawa orang yang dilindungi masih mengalami hilang upaya menyeluruh dan kekal. Mereka mungkin perlu diperiksa oleh pemeriksa perubatan kami sebagai sebahagian daripada proses ini. Kami akan menanggung kos ini.
- 10.4 Kami hanya boleh memproses tuntutan selepas orang yang dilindungi mengalami hilang upaya menyeluruh dan kekal untuk tempoh berterusan selama sekurang-kurangnya enam bulan, dan kami telah menerima semua dokumen, maklumat dan bukti yang kami perlukan.
- 10.5 Jika anda lewat menyediakan notis serta dokumen, maklumat dan bukti berkaitan yang kami perlukan, ianya tidak bermakna tuntutan terbatal, asalkan anda telah menyediakannya secepat yang mungkin. Bagaimanapun, kami hanya boleh menilai tuntutan tersebut selepas kami menerima semua bukti yang kami perlukan.

## **11. Bukti umur dan tidak memberitahu umur sebenar**

- 11.1 Kami akan menerima umur orang yang dilindungi apabila kami menerima buktinya. Jika kami tidak mempunyai umur orang yang dilindungi, kami akan memerlukan bukti umur mereka sebelum kami membayar sebarang tuntutan di bawah kontrak induk ini.
- 11.2 Jika umur orang yang dilindungi telah silap dinyatakan tetapi umur sebenar mereka berada di dalam lingkungan had kami, kami mungkin akan melakukan salah satu penyelarasan berikut.
  - (a) jika jumlah sumbangan berdasarkan umur sebenar adalah lebih tinggi daripada sumbangan yang anda bayar kepada kami, maka kami akan mengurangkan jumlah dilindungi sejajar dengan sumbangan yang diterima.

- (b) jika jumlah sumbangan berdasarkan umur sebenar adalah lebih rendah daripada sumbangan yang kami terima, kami akan mengembalikan perbezaannya kepada anda.

11.3 Jika umur sebenarnya tidak berada di dalam lingkungan had kami, jumlah amaun yang akan kami bayar kepada mereka daripada dana tabarru' peserta di bawah kontrak induk ini adalah terhad kepada jumlah sumbangan yang telah anda bayar untuk mereka.

## **12. Memberikan semua maklumat yang berkaitan kepada kami dan kemampuan untuk mempertikaikan**

12.1 Kami menyediakan perlindungan takaful untuk setiap orang yang dilindungi di bawah kontrak induk ini berdasarkan maklumat di dalam borang penyertaan berserta semua dokumen, maklumat dan bukti perubatan yang telah kami terima mengenai setiap orang yang dilindungi.

12.2 Oleh itu, kami boleh menamatkan perlindungan untuk orang yang dilindungi jika:

- (a) mana-mana dokumen, maklumat dan bukti perubatan tersebut adalah palsu atau tidak benar; atau
- (b) anda gagal menyerahkan kepada kami mana-mana dokumen, maklumat atau bukti perubatan yang seharusnya anda serahkan kepada kami.

12.3 Bagaimanapun, kami tidak boleh pertikaikan hak perlindungan orang yang dilindungi selepas tamat tempoh dua tahun daripada perlindungan bermula kecuali kami mempertikaikan sebarang fakta material yang dibuat secara penipuan atau sengaja tidak diserahkan kepada kami.

12.4 Fakta material bermaksud sebarang maklumat yang mungkin memberi kesan ke atas keputusan kami untuk menyediakan perlindungan di bawah kontrak induk atau boleh menyebabkan kami mengenakan terma yang kurang memihak kepada anda.

12.5 Jika kami tidak mahu menyediakan perlindungan takaful kepada orang yang dilindungi, kami akan mengembalikan kepada anda yuran wakalah dan tabarru' yang membentuk keseluruhan sumbangan yang dibayar untuk perlindungan, masing-masing daripada dana kami dan dana tabarru' peserta.

## **13. Sumbangan**

13.1 Sumbangan yang perlu dibayar untuk perlindungan takaful di bawah kontrak induk ini dinyatakan di dalam jadual kadar sumbangan dan yuran wakalah yang terdapat di dalam Lampiran III kepada kontrak induk ini.

13.2 Kami boleh mengubah sumbangan yang perlu dibayar untuk perlindungan takaful apabila kami memberikan notis bertulis 90 hari kepada anda. Perubahan sumbangan hanya akan berkuatkuasa selepas tamat tempoh notis pemberitahuan tersebut.

## **14. Yuran wakalah**

14.1 Kami akan mengambil yuran wakalah, sebagaimana dinyatakan di dalam jadual sumbangan dan yuran wakalah yang terdapat di dalam Lampiran III kepada kontrak induk ini, daripada sumbangan yang perlu dibayar untuk setiap orang yang dilindungi.

14.2 Kami boleh mengubah yuran wakalah apabila kami memberikan notis bertulis 90 hari kepada anda. Perubahan yuran wakalah hanya akan berkuatkuasa selepas tamat tempoh notis pemberitahuan tersebut.

## **15. Tabarru'**

15.1 Kami akan mengutip tabarru', iaitu sumbangan yang perlu dibayar untuk setiap orang yang dilindungi ditolak yuran wakalah yang dikenakan dan mengumpulkannya, di dalam dana tabarru' peserta.

15.2 Kami boleh mengubah tabarru' apabila kami memberikan notis bertulis 90 hari kepada anda. Kecuali kami nyatakan sebaliknya, sebarang perubahan hanya akan berkuatkuasa selepas tamat tempoh notis pemberitahuan tersebut.

## **16. Dana tabarru' peserta**

16.1 Kami akan mengumpulkan semua tabarru' di bawah kontrak induk ini di dalam dana tabarru' peserta, yang merupakan dana simpanan di mana kami membayar semua manfaat takaful yang dinyatakan di bawah kontrak induk ini.

16.2 Jika dana tabarru' peserta tidak mencukupi untuk membayar semua manfaat yang perlu dibayar dan tiada dana khas di mana kami boleh memindahkan aset untuk tujuan ini, kami akan menyediakan Qardh (suatu pinjaman tanpa faedah), dan Qardh ini perlu dibayar balik sebaik sahaja terdapat lebih mencukupi di dalam dana tabarru' peserta.

16.3 Kami akan menguruskan aset-aset dana tabarru' peserta dan menentukan bagaimana aset tersebut diurus dan dilaburkan berlandaskan Syariah. Kami tidak akan dan akan mengelak daripada melaburkan aset-aset ini di dalam sekuriti atau aset yang dilarang di bawah Syariah.

16.4 Dari segi undang-undang, kami adalah pemilik semua aset-aset dana tabarru' peserta.

16.5 Kami akan membayar daripada dana tabarru' peserta semua kos, perbelanjaan, caj, cukai dan lain-lain perbelanjaan berkaitan pengurusan dan pelaburan dana tabarru' peserta.

## **17. Tempoh semakan percuma (Tempoh pembatalan)**

17.1 Anda boleh membatalkan perlindungan takaful untuk orang yang dilindungi dalam masa 15 hari daripada tarikh surat pembayaran pembiayaan dihantar kepada mereka.

17.2 Jika perlindungan dibatalkan, kami akan mengembalikan kepada anda yuran wakalah dan tabarru' yang membentuk keseluruhan sumbangan yang dibayar untuk perlindungan, masing-masing daripada dana kami dan dana tabarru' peserta.

## **18. Tiada lebihan**

18.1 Anda atau sesiapa sahaja tidak mempunyai sebarang hak di bawah kontrak induk ini untuk berkongsi sebarang lebihan kami dan sebarang lebihan daripada perniagaan kami atau dana yang kami uruskan.

## **19. Retakaful atau reinsurans**

19.1 Kami akan menguruskan retakaful atau reinsurans dengan syarikat lain sekiranya kami rasakan perlu. Sebarang reinsurans mestilah dipersetujui oleh Jawatankuasa Shariah kami.

## **20. Penamatan perlindungan**

20.1 Perlindungan untuk setiap orang yang dilindungi akan tamat serta-merta apabila:

- (a) tempoh takaful tamat;
- (b) orang yang dilindungi mengalami hilang upaya menyeluruh dan kekal;
- (c) orang yang dilindungi meninggal dunia; atau
- (d) kami membayar nilai tunai perlindungan selaras dengan Klausula 21 di bawah; yang mana berlaku dulu.

## **21. Serahan (Menyerahkan pelan)**

21.1 Anda boleh menyerahkan perlindungan untuk orang yang dilindungi dengan memberikan kami notis bertulis.

21.2 Amaun nilai tunai yang anda terima akan bergantung kepada formula yang kami gunakan sebagaimana dinyatakan di dalam Lampiran II kepada kontrak induk ini.

21.3 Kami akan membayar nilai tunai daripada dana kami dan dana tabarru' peserta.

21.4 Jika nilai tunai adalah RM20.00 atau kurang, kami tidak akan membuat sebarang bayaran sebab anda dan orang yang dilindungi telah melepaskan hak mereka ke atas nilai tunai tersebut.

## **22. Penamatan kontrak induk**

22.1 Kami atau anda boleh menamatkan kontrak induk ini dengan memberikan notis bertulis 60 hari kepada pihak yang satu lagi.

22.2 Perlindungan takaful untuk orang yang dilindungi akan diteruskan selaras dengan peruntukan kontrak induk ini walaupun jika kami atau anda telah menamatkan kontrak induk ini.

## **23. Undang-undang**

23.1 Kontrak induk ini tertakluk kepada undang-undang, peraturan dan regulasi yang berkuatkuasa di Malaysia pada masa ini. Undang-undang, peraturan dan regulasi tersebut adalah termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang pekeliling, arahan atau garis panduan yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Kawai-selia Takaful Malaysia.

23.2 Tanpa mengambilkira sebarang perkara yang mungkin kami nyatakan di dalam kontrak induk ini, jika terdapat percanggahan di antara peruntukan kontrak induk ini dengan sebarang undang-undang, peraturan atau regulasi (yang termasuk tetapi tidak terhad kepada pekeliling, arahan atau garis panduan), undang-undang, peraturan dan regulasi tersebut akan berkuatkuasa.

23.3 Kontrak induk ini tertakluk kepada undang-undang Malaysia dan sebarang pertikaian akan ditentukan oleh mahkamah Malaysia.

#### **24. Penguatkuasaan peruntukan kontrak induk**

24.1 Jika anda melanggar mana-mana peruntukan kontrak induk ini dan kami membuat keputusan untuk tidak mengambil tindakan, ia tidak bermakna kami tidak boleh mengambil sebarang tindakan pada bila-bila masa di masa hadapan, sama juga, jika kami melanggar mana-mana peruntukan kontrak induk ini dan anda membuat keputusan untuk tidak mengambil tindakan, ia tidak bermakna anda tidak boleh mengambil sebarang tindakan pada bila-bila masa di masa hadapan.

24.2 Tanpa mengambilkira peruntukan di atas, kami dan anda boleh menggunakan hak kita untuk memastikan kedua-dua pihak mematuhi semua peruntukan yang terkandung di sini.

#### **25. Penyerahan hak (Memindahkan hak yang sah)**

25.1 Anda tidak boleh menyerahkan hak kontrak induk ini atau mana-mana hak di bawahnya tanpa kebenaran bertulis daripada kami terlebih dahulu.

#### **26. Menggunakan bayaran**

26.1 Kami berhak ke atas semua amaun yang perlu dibayar di bawah kontrak induk ini.

26.2 Kami boleh menggunakan sebarang amaun yang kami terhutang kepada anda untuk membayar balik sebarang amaun yang anda terhutang kepada kami di bawah kontrak induk ini.

#### **27. Interpretasi**

27.1 Di dalam kontrak induk ini, kecuali konteks memerlukan sebaliknya:

- (a) tajuk di dalam kontrak induk dimasukkan untuk kemudahan sahaja dan tidak memberi kesan ke atas pembentukannya;
- (b) perkataan tunggal hendaklah merangkumi perkataan majmuk dan sebaliknya; dan
- (c) perkataan yang merujuk kepada jantina hendaklah merangkumi semua jantina.

27.2 Setiap peruntukan kontrak induk ini adalah berasingan daripada satu sama lain. Jika mana-mana peruntukan tidak sah, menyalahi undang-undang atau tidak boleh dikuatkuasakan, ia tidak akan memberi kesan kepada peruntukan lain.

#### **28. Takrifan**

28.1 Di dalam kontrak induk ini, perkataan dan frasa berikut membawa maksud yang diberikan di sebelahnya.

- (a) **Pihak Berkuasa Kawai-selia Takaful Malaysia** bermaksud Bank Negara Malaysia atau mana-mana institusi yang mengambil alih daripadanya yang dibenarkan untuk mengawal-selia industri takaful di Malaysia.

- (b) **Anda** bermaksud pemegang kontrak induk yang dinyatakan di dalam jadual kepada kontrak induk ini.
- (c) **Sesiapa yang terhutang wang kepada anda di bawah kemudahan pembiayaan** bermaksud mana-mana orang yang mendapatkan kemudahan pembiayaan (atau apa jua nama yang anda berikan untuk kemudahan ini) daripada anda.
- (d) **Orang yang dilindungi** bermaksud orang yang kami sediakan dengan perlindungan takaful di bawah kontrak induk ini.
- (e) **Shariah** bermaksud undang-undang Islam. Dalam konteks kontrak induk ini, Syariah merujuk kepada undang-undang Islam sebagaimana yang ditakrifkan oleh Jawatankuasa Syariah.
- (f) **Keadaan sedia ada** bermaksud sebarang kecederaan, penyakit, keadaan atau gejala yang sedia ada di dalam tempoh dua belas (12) bulan sebelum tarikh surat pengeluaran pembiayaan:
  - (i) di mana rawatan, perubatan, nasihat atau diagnosis telah pun disyorkan atau diterima, atau
  - (ii) di mana seseorang biasa dan waras yang mengalami sebarang kecederaan, penyakit, keadaan atau gejala sewajarnya mendapatkan nasihat ataupun rawatan yang sepatutnya untuk kesihatannya; atau
  - (iii) di mana kewujudannya diketahui oleh orang yang dilindungi, sama ada atau tidak rawatan atau perubatan atau nasihat atau diagnosis telah pun didapatkan atau diterima.
- (g) **Jawatankuasa Syariah** bermaksud jawatankuasa yang dibentuk oleh kami untuk memberi nasihat mengenai operasi perniagaan takaful kami untuk memastikan ianya mematuhi Syariah.
- (h) **Tempoh takaful** bermaksud tempoh perlindungan takaful disediakan kepada orang yang dilindungi, kecuali perlindungan ditamatkan lebih awal selaras dengan peruntukan di dalam kontrak induk ini.
- (i) **Manfaat takaful** bermaksud manfaat yang perlu dibayar apabila berlaku kematian kepada atau hilang upaya menyeluruh dan kekal dialami oleh orang yang dilindungi. Kami mengira amaunnya berdasarkan formula pengurangan jumlah dilindungi di dalam Lampiran I kepada kontrak induk ini.

- Kami sengaja membiarkan baki muka surat ini kosong -



## LAMPIRAN I

### Formula pengurangan jumlah yang dilindungi

$$IA(t) = \min \left( SC \times \left( \left( 1 + il \times \left( \frac{rp}{12} \right) \right) - P(t) - R(t) \right), SC \right)$$

di mana:

$$i) P(t) = \frac{\left( 1 + il * \left( \frac{rp}{12} \right) \right)}{rp} \times (t)$$

$$ii) R(t) = \left( \frac{(rp - t) \times (rp + 1 - t)}{(rp) \times (rp + 1)} \right) \times il \times \left( \frac{rp}{12} \right)$$

Definisi:

|       |   |   |
|-------|---|---|
| rp    | = | jumlah tempoh bayaran dalam bulan         |
| il    | = | 8% setahun                                |
| SC    | = | jumlah awal manfaat takaful               |
| IA(t) | = | jumlah perlindungan takaful dalam bulan t |
| t     | = | tempoh pangkas bulanan                    |
| P(t)  | = | jumlah ansuran bulanan pada bulan t       |
| R(t)  | = | faktor rebat pada bulan t                 |

## LAMPIRAN II

### Pengiraan nilai tunai

#### Asas dan metodologi pengiraan

$$\text{Nilai tunai}_{t+x} = \frac{x}{m} \times CSV_{t+1} + \frac{(m-x)}{m} \times CSV_t$$

$x^1$  = jumlah hari dari bulan sijil terakhir (termasuk tarikh serahan)

$m^2$  = jumlah hari dalam bulan sijil

#### Nilai tunai pada setiap akhir bulan

$$CSV_t = 75\% \times C \times \frac{\ddot{a}_{n-t}}{\ddot{a}_n}$$

di mana:

$$\ddot{a}_{n-t} = \frac{1 - (1+i)^{-(n-t)}}{1 - (1+i)^{-1}}$$

$$\ddot{a}_n = \frac{1 - (1+i)^{-n}}{1 - (1+i)^{-1}}$$

C = sumbangan tunggal kasar

$(1+i)^{-1}$  = faktor diskaun,  $i = 0.2466\%$  (bersamaan 3% p.a.)

n = jumlah tempoh pembayaran dalam bulan

t = tempoh di antara sijil berkuatkuasa dan bulan penyelesaian awal jumlah pembiayaan

Pembayaran dari dana tabarru' peserta<sub>t</sub> =  $\frac{1-WF}{75\%} \times CSV_t$  di mana WF adalah yuran wakalah.

Pembayaran dari dana operator<sub>t</sub> =  $CSV_t$  - Pembayaran dari dana tabarru' peserta<sub>t</sub>

#### Syarat untuk serahan (menyerahkan pelan)

Dibenarkan untuk penyelesaian awal kemudahan pembiayaan sahaja.

---

<sup>1</sup> hanya dikira berdasarkan tarikh sebenar

<sup>2</sup> hanya dikira berdasarkan tarikh sebenar